

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	Memohon Kelulusan Menggunakan Bajet 'Digital Productivity Nexus (DPN)' Bagi Menyebarluaskan Pelaksanaan Digital Semasa Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 Pada 15 Disember 2020 Di Sunway Resort Hotel & Spa
TARIKH	:	15 Disember 2020
TEMPAT	:	Sunway Resort Hotel & Spa
BAHAGIAN / UNIT / WILAYAH	:	Bahagian Produktiviti Amalan Terbaik (PAT)
BAJET	:	Bajet Pembangunan DPN
ANGGARAN KOS TERLIBAT	:	RM19,000.00
IMPAK	:	1. Menyebarluaskan penggunaan teknologi digital yang mampu memberi kaedah yang berbeza dan baharu serta meningkatkan daya saing organisasi. 2. Membantu dalam memperkembangkan 'outreach' program melalui penglibatan industri secara maya dan tanpa batasan. 3. Meningkatkan pengetahuan serta pengalaman dalam mendapatkan input berhubung kepentingan penggunaan teknologi mengikut perkembangan semasa. 4. Menyumbang kepada usaha memperkukuh kesediaan syarikat dalam memanfaatkan teknologi dan kemudahan digital kearah revolusi industri 4.0.
BAKI PERUNTUKAN/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDA TANGAN PENGURUS UNIT PCT	:	

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN**

MEMOHON KELULUSAN MENGGUNAKAN BAJET 'DIGITAL PRODUCTIVITY NEXUS (DPN)' BAGI MENYEBARLUASKAN PELAKSANAAN DIGITAL SEMASA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH APIC 2020 PADA 15 DISEMBER 2020 DI SUNWAY RESORT HOTEL & SPA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan dari Pengurusan MPC berhubung Kelulusan Menggunakan Bajet 'Digital Productivity Nexus (DPN)' bagi Menyebarkan Pelaksanaan Digital Semasa Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 Pada 15 Disember 2020 Di Sunway Resort Hotel & Spa.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Dalam usaha mempromosikan kesedaran penggunaan digital di kalangan masyarakat pelbagai lapisan DPN telah memperkenalkan tema 'Go B.I.G with Digital' di mana peningkatan produktiviti dapat direalisasikan melalui penggunaan i4.0 dengan menggunakan teknologi inovatif yang mampu meningkatkan pengeluaran secara drastik (Breakthrough), memperkukuh integriti (Integrity) dan memperkasakan amalan terbaik dan nilai (Good).
- 2.2 Sehubungan dengan itu, konsep digital ini akan diguna pakai semasa Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 di mana penggunaan 'webinar' dan 'live streaming' akan digunakan bagi memastikan 'outreach' program lebih meluas. Program secara maya ini mampu meningkatkan penyertaan industri secara menyeluruh di mana ianya boleh dicapai dengan lebih mudah.
- 2.3 APIC merupakan program tahunan anjuran MPC yang menghimpunkan inisiatif dari projek proses inovasi dan digital yang meliputi kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC), Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S), Pengurusan Lean dan seumpamanya di dalam satu platform iaitu Team Excellence (TE).
- 2.4 Persembahan kumpulan yang terdiri daripada syarikat dari sektor perkhidmatan, pembuatan dan agro-makanan akan dilaksanakan secara maya (online) pada 17-19 November 2020 di Ibu pejabat MPC Petaling Jaya. Sebanyak 282 kumpulan TE yang layak menyertai APIC 2020 dan persembahan kumpulan dijalankan melalui webinar di mana sebanyak enam (6) akaun diguna secara serentak. Walau bagaimanapun, Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 akan dijalankan secara hybrid iaitu fizikal dan juga online. Hanya wakil kumpulan/organisasi sahaja yang akan hadir ke majlis berkenaan dan ditetapkan seramai 200 orang sahaja (mengikut SOP).

3.0 IMPAK PELAKSANAAN DIGITAL

3.1 Melalui pendekatan yang digunakan secara digital ini, pelbagai impak yang dapat diukur dan mampu memberi impak yang positif terhadap industri. Antaranya adalah seperti berikut:

3.1.1 Menyebarluaskan penggunaan teknologi (online) yang mampu memberi kaedah yang berbeza dan baharu serta meningkatkan daya saing organisasi.

3.1.2 Membantu dalam memperkembangkan 'outreach' program melalui penglibatan peserta secara maya (online) dan tanpa batasan.

3.1.3 Meningkatkan pengetahuan serta pengalaman dalam mendapatkan input berhubung kepentingan penggunaan teknologi mengikut perkembangan semasa.

3.1.4 Menyumbang kepada usaha memperkukuh kesediaan syarikat dalam memanfaatkan teknologi dan kemudahan digital ke arah revolusi industri 4.0.

4.0 ANGGARAN KOS PERBELANJAAN

4.1 Perbincangan antara MPC dengan vendor dan pihak hotel akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan maklumat yang diperlukan mencukupi dan program dapat dijalankan dengan lancar.

4.2 Berdasarkan kepada perbincangan bersama pihak MIT MPC, kos yang terlibat adalah sebanyak **RM19,000.00**. Pecahan kos adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Lantikan vendor dan pecahan tugas: i. Kelengkapan peralatan sokongan program secara digital seperti kamera, <i>wireless mic</i> , <i>mobile router</i> dan sebagainya ke hotel. ii. Kelengkapan di studio vendor iii. Dua (2) akaun webinar pro	15,000.00
2.	Facebook 'Booster & reach'	4,000.00
	JUMLAH	19,000.00

5.0 ATURCARA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH APIC 2020

- 5.1 Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 akan diteruskan secara fizikal, namun kehadiran dihadkan kepada ketua/wakil pengurusan tertinggi organisasi yang bertanding sahaja yang dianggarkan seramai 200 orang. Ini adalah mengambil kira situasi semasa dan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) susulan pandemik COVID-19. Bagi memastikan setiap peserta dapat merasai kemeriahan majlis ini, sesi secara maya turut dilaksanakan pada masa yang sama dan anggaran penyertaan seramai 1,000 orang.


ATURCARA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH 15 DISEMBER 2020 GRAND LAGOON BALLROOM, SUNWAY RESORT HOTEL & SPA

<u>MASA</u>	<u>ATURCARA</u>
12.00 tghari	: Pendaftaran peserta dan ketibaan tetamu jemputan
12.30 tghari	: Ketibaan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Nyanyian Lagu NegaraKu Ucapan Aluan YBhg. Dato' Abdul Latif bin Hj Abu Seman Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Ucapan oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Makan Tengah Hari Majlis Penyampaian Anugerah - Anugerah i4.0 - Anugerah 'We Are Glamour' - Youtube - Anugerah Ketua Pengarah MPC - Anugerah Pengerusi MPC - Anugerah 3 Terbaik setiap Sektor (6 sektor) - Anugerah Keseluruhan
02.00 ptg	: Majlis bersurai

6.0 SYOR/PERAKUAN

- 6.1 Adalah disyorkan agar pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) dapat meluluskan Bajet 'Digital Productivity Nexus (DPN)' bagi Menyebarkan Pelaksanaan Digital Semasa Majlis Penyampaian Anugerah APIC 2020 Pada 15 Disember 2020 Di Sunway Resort Hotel & Spa dengan kos keseluruhan sebanyak **RM19,000.00**.

Disediakan oleh : 
Mohd Khairul Nazir Nawi
Pengurus
Tarikh : 23 Oktober 2020

Disemak oleh : 
Dr. Halimahton Sa'diah Uet
Pengurus Kanan
Tarikh : 23 Oktober 2020

Disokong oleh : 
Saliza Saari
Pengarah
Tarikh : 23 Oktober 2020